


Kuliah 6
UHAS 1172
Dinamika Malaysia

Perlembagaan Malaysia



PERLEMBAGAAN


Perlembagaan atau undang-undang merupakan salah satu daripada lima syarat sesebuah negara dipanggil “negara” selain daripada perlu adanya penduduk, kerajaan, wilayah dan kedaulatan.

Semua negara merdeka di dunia mempunyai perlembagaan sama ada perlembagaan bertulis atau perlembagaan tidak bertulis.

Pengenalan

Perlembagaan negara Malaysia dibentuk berdasarkan sejarah yang sangat panjang berteraskan perjuangan rakyat serta kerjasama pelbagai etnik dalam menghadapi ujian getir penjajahan British.

Perlembagaan Malaya dan Malaysia telah cuba sedaya upaya untuk memberi peluang kepada setiap rakyat supaya mendapat hak dalam kerukunan hidup bernegara dengan menjiwai perjanjian yang mengambilkira hak dan peranan semua golongan yang bergelar pemerintah dan yang diperintah.



PERLEMBAGAAN


Definisi dan konsep

Perlembagaan
Malaysia: undang-
undang tertinggi.

Mengandungi
perkara yang
menjadi asas
perundangan
negara.

Satu dokumen
undang-undang
bertulis - dihasilkan
berpandukan
Perjanjian
Persekutuan Tanah
Melayu 1948 dan
Perlembagaan Tanah
Melayu 1957.

Perlembagaan
Persekutuan Tanah
Melayu telah digubal
berdasarkan tinjauan
Suruhanjaya Reid
melalui perbincangan
dengan pelbagai
kaum pada tahun
1956. Berkuatkuasa
pada 31 Ogos 1957.




Definisi dan konsep

Pada 16 September 1963, perlembagaan ini diberi nama Perlembagaan Persekutuan Malaysia.


Tidak ada institusi awam atau swasta yang boleh mengatasi ketertinggian Perlembagaan Malaysia. Jika terdapat undang-undang persekutuan atau negeri yang bercanggah, boleh diisytihar tidak sah oleh mahkamah.

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama persekutuan. Kuasa perundangan dan kehakiman mahkamah tertakluk kepada sekatan Perlembagaan Persekutuan.



FUNGSI PERLEMBAGAAN

- Mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak serta menjamin keadilan, kesepakatan dan kepentingan bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Menjamin keutuhan dan kedaulatan negara kerana dengan adanya perlembagaan negara, rakyat dapat berpegang kepada satu undang-undang yang diamalkan dan dihormati bersama untuk memastikan kewujudan sebuah negara yang berdaulat.
- Memberi jaminan terhadap hak asasi dan kebebasan rakyat dan keadilan sosial untuk semua kaum di negara ini, dimana rakyat mendapat jaminan undang-undang bahawa tidak akan ada unsur-unsur diskriminasi dalam kalangan mereka.
- Menjamin kestabilan negara walaupun pada dasarnya perlembagaan boleh dipinda, namun ia tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya.
- Mengekalkan keamanan dalam negara serta memastikan bahawa sebarang perubahan pucuk pimpinan yang berlaku selepas pilihanraya tidak akan menyebabkan sebarang kesan ke atas negara mahupun corak pemerintahan.



Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong



Ketua Negara






PERLEMBAGAAN MALAYSIA

- **Mengamalkan perlembagaan bertulis** di mana badan perundangan kehakiman dan eksekutif dpt kuasa drp perlembagaan.
- Mengandungi **15 bahagian, 183 perkara dan 13 jadual.**
- Menyentuh mengenai bidang kuasa eksekutif, kehakiman, kedudukan agama Islam, warganegara, bhs kebangsaan, kedudukan org Melayu dan bumiputera Sabah & s'wak dll.




SEJARAH PENGUBALAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Sistem Perundangan Kerajaan Awal




Hukum Kanun Melaka
Undang-undang Laut Melaka
Prasasti Terengganu



Undang-undang Tubuh Negeri
Johor (1895)
Perlembagaan Terengganu
(1911)



MALAYAN UNION




Penjajahan British telah mengubah perlembagaan negeri-negeri selat dari sebuah wilayah bebas berdaulat kepada negara yang dijajah

1. Pentadbiran Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak diketuai oleh Gabenor

Sultan-sultan Melayu hanya raja kehormat sahaja


*P*ERLEMBAGAAN MALAYAN UNION






entangan terhadap MU disebabkan :

- **Raja2 Melayu tidak lagi berkuasa** dlm urusan pentadbiran negeri
- **Hak kerakyatan berdasarkan prinsip "jus soli"**
- **Hak sama rata** kpd semua golongan yang lahir di Tanah Melayu atau yang tinggal di Tanah Melayu selama 10 tahun
- **Raja-raja Melayu dgn cara paksaan** dipaksa bersetuju untuk menandatangani penubuhan Malayan Union




PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- ❖ Persekutuan mengandungi sembilan buah negeri Melayu dan dua buah negeri Selat
- ❖ Singapura tetap diasingkan sebagai tanah jajahan Mahkota British
- ❖ Pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat dengan kuasa legislatif yang meluas menerusi Majlis Legislatif Persekutuan
- ❖ Ketua Kerajaan ialah Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh Queen
- ❖ Majlis Eksekutif ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi British
- ❖ Kerajaan negeri memiliki kuasa yang terhad dan terbatas
- ❖ Kedudukan dan fungsi Raja-raja Melayu dipulihkan semula
- ❖ Hak istimewa orang Melayu dikekalkan
- ❖ Pemberian taraf kerakyatan diperketatkan




Kemerdekaan Merintis Kerjasama Antara Etnik

- ❖ Persekutuan Tanah Melayu telah mengeratkan kerjasama di antara etnik Melayu dan bukan Melayu.
- ❖ Pilihanraya Umum 1955 telah membuktikan penolakan sikap perkauman dalam kalangan orang Melayu.
- ❖ Parti Perikatan kerjasama erat antara tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina, dan India melalui UMNO, MCA, dan MIC.



Peranan Suruhanjaya Reid dalam Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu


- ❖ Satu Suruhanjaya telah dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu Suruhanjaya Reid.
- ❖ Pengerusinya iaitu Reid Lord dari Britain manakala ahlinya ialah Sir Ivor Jennings juga dari Britain, Sir William Mckell dari Australia, B. Malik dari India dan Hakim Abdul Malik dari Pakistan



Peranan Suruhanjaya Reid dalam Penggubalan Perlembagaan


Suruhanjaya ini disarankan menggubal perlembagaan dengan menepati faktor berikut :

- i. Pembentukan sebuah persekutuan dengan kerajaan pusat yang kuat.
- ii. Pemeliharaan kedudukan, keistimewaan, kehormatan dan hak Raja-raja Melayu.
- iii. Pewujudan jawatan ketua negara yang bergelar Yang di-Pertuan Agong.
- iv. Pemeliharaan hak-hak istimewa orang Melayu serta hak-hak yang sah milik kaum-kaum lain.
- v. Pembentukan sebuah sistem kewarganegaraan yang seragam untuk seluruh Persekutuan Tanah Melayu.




Peranan Suruhanjaya Reid dalam Penggubalan Perlembagaan

- Suruhanjaya Reid telah berusaha mendapatkan pandangan pelbagai pihak dalam usaha menggubal perlembagaan. Suruhanjaya ini menerima 131 memorandum bertulis dari pelbagai pihak seperti parti-parti politik, raja-raja Melayu, persatuan-persatuan dan orang perseorangan.
- Memorandum yang diterima telah digunakan untuk merangka perlembagaan Tanah Melayu bagi memastikan kelancaran sistem pentadbiran.




KANDUNGAN PERLEMBAGAAN

- ❖ BAHAGIAN 1: mempunyai empat perkara (a) nama negeri dan persekutuan (b) kemasukan wilayah baru dalam persekutuan (c) agama persekutuan dan (d) undang-undang persekutuan.
- ❖ BAHAGIAN 2: kebebasan hak asasi
- ❖ BAHAGIAN 3: mempunyai tiga bab tentang kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang dan pendaftaran (perkara 14-22 walaupun ada yang dimansuhkan).
- ❖ BAHAGIAN 4: persekutuan mengandungi Bab 1. Ketua Negara, Bab 2. Majlis raja-raja, Bab 3. pemerintah, Bab 4. Badan perundangan persekutuan.
- ❖ BAHAGIAN 5: negeri-negeri (raja, gabenor, jaminan persekutuan dan dewan negeri)



- ✧ BAHAGIAN 6: perhubungan antara persekutuan dan negeri
- ✧ BAHAGIAN 7: peruntukan kewangan
- ✧ BAHAGIAN 8: pilihanraya
- ✧ BAHAGIAN 9: kehakiman
- ✧ BAHAGIAN 10: perkhidmatan awam
- ✧ BAHAGIAN 11: kuasa darurat
- ✧ BAHAGIAN 12: am dan pelbagai meliputi bahasa kebangsaan, ibu kota persekutuan dan perizaban kouta mengenai perkhidmatan, permit dan sebagainya untuk orang Melayu.
- ✧ BAHAGIAN 12A: perlindungan tambahan kepada negeri Borneo
- ✧ BAHAGIAN 13: peruntukan sementara dan perkara berkaitan dengan pewarisan harta, perjanjian antarabangsa dan sebagainya.
- ✧ BAHAGIAN 14: perkecualian bagi kedudukan raja.




PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN





UNSUR-UNSUR TRADISI PERLEMBAGAAN DAN KONTRAK SOSIAL

- Menurut Tun Salleh Abas, unsur tradisi ini meliputi bahasa, agama, kedudukan istimewa org Melayu dan bumiputera Sabah & Swak dan pemerintahan beraja.
- ⦿ Unsur-unsur tradisi menjadi syarat kepada permuafakatan etnik Melayu dan bukan Melayu yang membawa maksud bahawa hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama persekutuan dan bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini menjadi syarat pemberian hak kewarganegaraan kepada etnik bukan Melayu untuk menjadi seorang warganegara.



Unsur-unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia

**Kedudukan istimewa
orang Melayu**

Perkara 153

Agama Islam


Perkara 150 (6a)

Bahasa Melayu

Perkara 152


Kedudukan Raja-raja

Hak Kerakyatan



BAHASA MELAYU

- Perkara 152 iaitu memperuntukkan bhs Melayu **sbg bhs Kebangsaan**
- Perkara ini juga **melindungi bhs2 lain** dan memperuntukkan bhw tiada sesiapa pun dilarang atau ditahan drp menggunakan (selain drp maksud rasmi) atau mengajar atau belajar apa2 bhs lain.
- Kerajaan berhak mengekalkan penggunaan dan pembelajaran bhs lain dlm Persekutuan



AGAMA ISLAM

- ✱ Perkara 3 (1) iaitu agama Islam ialah agama persekutuan
- ✱ Perkara 3 memperuntukkan fasal imbangan iaitu *"tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana2 bahagian persekutuan"*
- ✱ Setiap agama berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri.



KEHAKUKAN ISTIMEWA ORG MELAYU DAN BUMIPUTERA SABAH DAN SARAWAK

- ❖ Ia disentuh dalam Perkara 153.
- ❖ Hak istimewa ini meliputi jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, pendidikan, perniagaan dan kemudahan khas lain.
- ❖ Walau bagaimanapun perkara ini juga melindungi kaum2 lain.



KUT PERLEMBAGAAN



MELAYU ditakrifkan sbg :

1. Bertutur bahasa Melayu
2. Menganut agama Islam
3. Mengamalkan adat istiadat Melayu

✱ **Takrif Bumiputera**

✱ **Sarawak** terdiri dari mana-mana satu kaum asli iaitu Bukitan, Bisayuh, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah, Kajang, Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit atau dia berketurunan campuran dari kaum tersebut.

✱ **Di Sabah** – anak atau cucu kepada seseorang dari suatu kaum asli Sabah dan dia telah dilahirkan di Sabah.

